PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BULETIN PTGS

Edisi 1 • 2015

DARI MEJA KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya kita dapat bersua lagi dalam penerbitan Buletin PTGS Edisi 1/2015 ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada barisan Editorial Buletin dan seluruh warga kerja PTGS yang telah menyumbangkan idea dan kreativiti dalam penerbitan edisi kali ini.

Buletin PTGS yang diterbitkan ini adalah sebagai salah satu wadah atau platform warga PTGS untuk berkongsi idea, pengalaman dan kepakaran dalam memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran dalam menguruskan isu-isu tanah di Negeri Selangor. Edisi ini juga memaparkan semua program dan aktiviti warga PTGS yang telah berlangsung sepanjang tempoh **Januari hingga Jun 2015**. Bagi mengikuti perkembangan terkini dan program-program lain yang dianjurkan oleh PTGS, para pembaca juga boleh melayari Portal PTGS, iaitu **http://ptg.selangor.gov.my** atau Laman Sosial Facebook (Pejabat Tanah dan Galian Selangor).

Harapan saya agar edisi kali ini dapat memberikan faedah dan informasi yang padat dan seterusnya memenuhi espektasi pembaca.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama meneruskan usaha dalam memantapkan dan memperkukuhkan lagi pencapaian perkhidmatan di PTGS untuk hari ini, esok dan yang akan datang.

Langkah diatur menyahut seruan
Berganding bahu kukuhkan ikatan
Penjawat awam penentu masa depan
Selangor Maju Produktiviti ditingkatkan

Sekian, Terima Kasih dan Selamat Membaca!

Norsidah Jilani
Ketua Editor
Buletin PTGS Edisi 1/2015

SENARAI JAWATANKUASA EDITORIAL BULETIN PTGS 1/2015

Penaung

YBhg. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya

Ketua Editor

Norsidah bt Jilani

Editor

Nurul Murni bt Suryani

Sidang Editorial/ Wakil Bahagian

Norhayati bt Hj. Mahmud

Mohd Jeffry bin Omar

Noridah bt Sha'ari

Rostini bt B.M. Taffar

Mohd Hazizi bin Mohammad

Mohamad Kahar bin Md Rasib

Arnie Faidza bt Alias

Suhailin bt Ismail

Jihan Musfirah bt Musa

Rosni bt Kimin

Penyelaras / Fotografi

Muhammad Amirul Hakimi Bin Azman

ISI KANDUNGAN

UTAMA

Majlis Perasmian Sistem Pengurusan Hakmilik Strata Berkomputer (E-Strata) Dan *Secured Land Management System (Selamat)* **4-5**

Majlis Perhimpunan Bulanan Ptgs Bilangan 1/2015 Dan Majlis Penghargaan YBhg. Dato' Kamarulzaman Bin Jamil, Pengarah Tanah Dan Galian Selangor **6**

LAWATAN-LAWATAN **7**

- Lawatan Kerja Oleh Institut Penilaian Negara (INSPEN) Ke PTG Selangor Pada 20 Mei 2015
- Lawatan Kerja Oleh Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) Ke PTG Selangor Pada 21 Mei 2015
- Lawatan Kerja PTG Selangor Ke Pejabat Dewan Negeri Selangor Pada 9 Februari 2015

RUANGAN KHAS : AMANAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR **8-9**

PERISTIWA

Mesyuarat Pengarah PTGS Bersama Pentadbir Tanah Negeri Selangor Bilangan 1/2015, Di Kinrara Resort, Puchong Pada 16 Mac 2015 **10**

Mesyuarat Pengarah PTGS Bersama Pentadbir Tanah Negeri Selangor Bilangan 2/2015, Di Tingkat 4, Bangunan Ssaas, Shah Alam Pada 20 April 2015 **11**

Mesyuarat Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bersama Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bilangan 1/2015, Tingkat 4, Bangunan SSAAS, Shah Alam Pada 4 Mac 2015 **12**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan, Tingkat 4, Bangunan SSAAS Pada 3 Mac 2015 **13**

ILMU/ KURSUS **14-15**

- Bengkel SKT 2015 Dan Pencapaian SKT 2014 PTG Selangor Di Rainbow Paradise Beach Resort, Pulau Pinang Pada 11-13 Januari 2015
- Kursus Pemahaman Perintah Am, Holiday Villa, Subang, Selangor Pada 16-17 Februari 2015
- Kursus Penulisan Surat Rasmi, Memo, Laporan Dan Pengurusan Mesyuarat, Dewan Jubli Perak Pada 14-16 April 2015
- Sesi Taklimat Oleh MPC Kepada Juruaudit Dalaman 5S PTGS Pada 9 Jun 2015
- Kursus Tatacara Pelupusan Rekod Jabatan Pada 3-4 Jun 2015
- Kursus Pemahaman Undang-Undang Dalam Pendaftaran Hakmilik Dan Pembangunan Tanah, Di The Summit Hotel, Subang Jaya Pada 16-18 April 2015

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN PENGENALAN PEGAWAI & KAKITANGAN BARU **16-17**

AUDIT PERSIJILAN 5S **18-19**

- Pra-Audit 5S PTGS Pada 23 April 2015
- Penilaian Audit 5S PTGS Sesi Kedua Pada 29 Jun 2015
- Lawatan Kerja Jawatankuasa 5S PTG Selangor Ke PTG Terengganu Pada 26-28 Mei 2015

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS **20-21**

Penyertaan Kontigen PTGS Dalam Kejohanan Sukan Petanda 2015:

- Acara Tenpin Boling Di Banting Superbowl, Pada 14 Mac 2015
- Acara Karom Di Dewan Tun Razak, Pekan Sabak Pada 4 April 2015
- Acara Sepak Takraw Di Uptown Sports, Bandar Baru Bangi Pada 25-26 April 2015
- Acara Futsal Di KSL Sri Gombak Pada 16 Mei 2015
- Acara Boling Padang Di Sepang Perdana Pada 13 Jun 2015

PERKAHWINAN **22**

KELAHIRAN **23**

Majlis Perasmian Sistem Pengurusan Hakmilik Strata Berkomputer (e-Strata) Dan *Secured Land Management (SELAMAT)*

16 Januari 2015 (JUMAAT), Bangunan SSAAS, Shah Alam - YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir untuk merasmikan Sistem Pengurusan Hakmilik Strata Berkomputer (e-Strata) Dan *Secured Land Management System* (SELAMAT) yang dibangunkan di PTG Selangor dan sembilan (9) Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di Negeri Selangor.

Pembangunan Pemilikan Berstrata merupakan satu konsep pembangunan perumahan yang sedang berkembang pesat di Negeri Selangor. Ianya merupakan salah satu alternatif terbaik yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan kediaman yang selesa untuk semua peringkat rakyat, khususnya di Negeri Selangor dan di Malaysia amnya.

Selaras dengan hasrat menggalakkan rakyat untuk memiliki kediaman sendiri, Kerajaan Negeri melalui PTG Selangor, telah membangunkan Sistem e-Strata bagi memenuhi keperluan pihak awam yang berorientasikan "*customer-focused services*".

Sistem e-Strata, atau sebelum ini dikenali sebagai Sistem e-SPHS, ialah Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata secara berkomputer yang telah diberi penjenamaan semula pada tahun 2013. Ianya merupakan sistem **PERTAMA** yang telah dibangunkan di Malaysia, yang melibatkan perihal Hakmilik Strata

secara berkomputer. Ianya juga telah dibangunkan melalui kajian serta inisiatif daripada kakitangan PTG Selangor sendiri. Sistem ini akan sentiasa ditambahbaik agar ianya boleh digunapakai selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata 2013 (A1450) dan peraturan-peraturan serta akta-akta lain yang sedang berkuatkuasa.

Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan Hakmilik Strata tertinggi, berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, iaitu sebanyak **441,564 Petak Hakmilik Strata**. Justeru, pengwujudan Sistem e-Strata ini mampu membantu PTG Selangor dan para Pentadbir Tanah untuk menguruskan maklumat Hakmilik Strata secara sistematik, meningkatkan kecekapan urusan di masa hadapan dan seterusnya memberi kepuasan kepada semua pelanggan, terutamanya bagi urusan pengeluaran Hakmilik Strata. Di samping itu, sistem ini juga dapat membantu meningkatkan jumlah kutipan hasil di Negeri Selangor bagi urusan yang berkaitan Hakmilik Strata.

Pada hari yang sama juga, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah melancarkan Sistem SELAMAT, iaitu *Secured Land Management System*. Sistem ini telah dibangunkan berasaskan teknologi biometrik sepenuhnya yang melibatkan penggunaan cap jari dan MyKad. Pembangunan sistem ini dijangka akan memberikan impak yang besar dalam mewujudkan sistem tadbir urus tanah yang lebih selamat dan berkeyakinan dalam mengekalkan kepercayaan rakyat serta para pelabur terhadap pentadbiran tanah dan kerajaan dengan menangani isu-isu penipuan atau *fraud* dalam urusan pentadbiran tanah secara lebih baik dan berkesan.

Pembangunan Sistem SELAMAT di seluruh Negeri Selangor juga selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Tahun 2013. Antara modul-modul yang dibangunkan di dalam Sistem SELAMAT ini adalah Modul Pendaftaran Wakil Peguam, Modul Perserahan, Modul Isihan, Modul Kutipan iaitu Pengurusan Dokumen Hakmilik Tanah, Modul Pindahmilik Tanah (Borang 14A KTN), Modul Siasatan Hakmilik Hilang, Modul Carian Hakmilik Tanah dan modul-modul sokongan lain.

Dalam majlis tersebut juga, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah menyampaikan hasratnya supaya pembangunan kedua-dua sistem (e-Strata dan SELAMAT) dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada semua yang terlibat dengan urusan pentadbiran tanah di Negeri Selangor supaya dapat meningkatkantahap kualiti penyampaian perkhidmatan agar lebih efektif, telus dan efisyen.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PTGS BILANGAN 1/2015 DAN MAJLIS PENGHARGAAN YBHG. DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL, PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Tarikh : 20 Januari 2015
Tempat : Tingkat 2, Dewan Annex, Pejabat DUN Selangor

20 Januari 2015 (SELASA), Dewan Annex, Shah Alam – Telah berlangsung Majlis Perhimpunan Bulanan PTGS Bilangan 1/2015 dan Majlis Penghargaan YBhg. Dato' Kamarulzaman bin Jamil, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, yang bersara wajib mulai 21 Januari 2015. Majlis yang dihadiri oleh semua warga PTG Selangor telah dimulakan dengan Perhimpunan Bulanan PTGS dan seterusnya penyampaian cenderahati kepada YBhg. Dato' Kamarulzaman sebagai tanda kenangan dan penghargaan beliau semasa berkhidmat di PTG Selangor.

Seluruh warga PTG Selangor mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada YBhg. Dato' dan semoga YBhg. Dato' sentiasa diberi kesihatan dan kesejahteraan oleh Yang Maha Esa.

LAWATAN KERJA OLEH INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

Tarikh : 20 Mei 2015
Tempat : Bilik Mesyuarat Gemilang 2, Tingkat 4, PTGS

LAWATAN KERJA OLEH INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Tarikh : 20 Mei 2015
Tempat : Bilik Mesyuarat Gemilang 2, Tingkat 4, PTGS

LAWATAN KERJA PTG SELANGOR KE PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR

Tarikh : 09 Februari 2015
Tempat : Pejabat Dewan DUN Selangor

AMANAT
OLEH
YBHG. DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Sebagai penjawat awam juga, kita perlu sedar bahawa nilai integriti adalah tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja. Malahan, kita perlu sentiasa mencerminkan nilai integriti dalam semua tindakan kita sama ada melalui penampilan, sikap, budaya kerja dan sebarang keputusan yang diambil. Ini kerana, dalam merealisasikan kecemerlangan pengurusan perkhidmatan tanah di era globalisasi, kita seharusnya sentiasa bersikap dinamik, proaktif dan fleksibel, selaras dengan kehendak dan keperluan semasa.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada seluruh warga kerja PTGS dan para pembaca Buletin Edisi PTGS 1/2015 ini. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak Editorial kerana telah menyediakan Ruangan Khas untuk saya coretkan sedikit perkongsian dan amanat kepada kalian semua. Semoga apa yang disampaikan ini dapat memberi manfaat dan iktibar kepada para pembaca.

Saya berasa amat bersyukur kerana diberi peluang berkhidmat di PTGS, iaitu salah satu peneraju perkhidmatan tanah di Negeri Selangor yang mempunyai pasukan kerja yang kompeten dan konsisten.

Dalam era globalisasi kini, kesan persaingan hebat dunia tanpa sempadan telah menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai faktor yang kritikal dan platform utama dalam menentukan kelangsungan kecekapan perkhidmatan tanah di PTGS. Menyedari hakikat bahawa kreativiti adalah *the rules of the games*, maka **pemerkasaan PTGS** dari aspek kreativiti dan inovasi amatlah signifikan demi mencapai Misi dan Visi PTGS.

Justeru, saya ingin menyarankan supaya **anjakan paradigma** perlulah sentiasa diamalkan di PTGS kerana kecemerlangan yang kita kecapi ini bukanlah sasaran yang statik, tetapi ianya sesuatu yang boleh berubah pada bila-bila masa sahaja, mengikut ekspektasi pelanggan atau *stakeholder*. Untuk itu, saya berharap agar PTGS akan terus kekal relevan dan memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian perkhidmatan tanah sedia ada di Negeri Selangor.

Bagi tujuan tersebut juga, saya sering menegaskan kepada seluruh warga PTGS supaya menyediakan dan mengemaskini *Standard Operating Procedures* (SOP), peraturan-peraturan dan garis panduan untuk setiap proses kerja yang melibatkan urusan-urusan tanah dalam memperkukuhkan dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada di PTGS. Perkara ini harus diberikan perhatian yang **SERIUS** kerana SOP merupakan bahan rujukan dan garis panduan yang sangat penting di samping mewujudkan keseragaman dalam sistem penyampaian perkhidmatan tanah di PTGS dan setiap Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).

Sebagai mana yang kita semua sedia maklum, tugas harian kita di PTGS ini sememangnya banyak melibatkan pihak-pihak lain yang kebanyakannya adalah orang awam. Justeru, saya ingin menyarankan supaya setiap dari kita dapat mengamalkan **disiplin, integriti dan menerapkan nilai-nilai murni** semasa menjalankan tugas. Tiga perkara tersebut merupakan asas kejayaan bagi seseorang individu bukan sahaja dalam kerjayanya, malah dalam kehidupan sehariannya.

Sebagai penjawat awam juga, kita perlu sedar bahawa **nilai integriti** adalah tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja. Malahan, kita perlu sentiasa mencerminkan nilai integriti dalam semua tindakan kita sama ada melalui penampilan, sikap, budaya kerja dan sebarang keputusan yang diambil. Ini kerana, dalam merealisasikan kecemerlangan pengurusan perkhidmatan tanah di era globalisasi, kita seharusnya sentiasa bersikap **dinamik, proaktif dan fleksibe**l, selaras dengan kehendak dan keperluan semasa.

Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada semua warga kerja PTGS agar dapat menggalas tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan **jujur, amanah** dan **berintegriti**. Saya amat mengharapkan agar setiap dari kita dapat bertolak ansur dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang serta saling membina hubungan yang baik untuk memastikan Misi dan Visi PTGS dapat direalisasikan, dan seterusnya memberi perkhidmatan **TERBAIK** kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor amnya, dan kepada Rakyat di Negeri Selangor khasnya.

MESYUARAT PENGARAH PTGS BERSAMA PENTADBIR TANAH NEGERI SELANGOR BILANGAN 1/2015, DI KINRARA RESORT, PUCHONG PADA 16 MAC 2015

MESYUARAT PENGARAH PTGS BERSAMA PENTADBIR TANAH NEGERI SELANGOR BILANGAN 2/2015, DI TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS, SHAH ALAM PADA 20 APRIL 2015

MESYUARAT TIMBALAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BERSAMA KETUA PENOLONG PENTADBIR TANAH DAERAH NEGERI SELANGOR BILANGAN 1/2015, TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS, SHAH ALAM PADA 4 MAC 2015

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA ANTARA NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN, TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS PADA 3 MAC 2015

LAWATAN RASMI PENGARAH PTG KE PEJABAT TANAH DAN DAERAH HULU LANGAT PADA 1 JUN 2015.

HARI BERTEMU PELANGGAN DAN BAZAR INOVASI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR, DI PADANG TONGGAK 10, SUNGAI BESAR, SABAK BERNAM PADA 8-10 MEI 2015

BANCIAN TAPAK UNIT KEDIAMAN DI TAMAN DESA MAWAR, SUNGAI YU, MUKIM HUJUNG PERMATANG, DAERAH KUALA SELANGOR PADA 1-2 JUN 2015

Bancian ini dilakukan hasil kerjasama Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor lanjutan daripada lawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor ke tapak berkenaan yang mengesyorkan agar permasalahan isu tanah dan kemudahan infrastruktur yang dibangkitkan oleh jawatankuasa penduduk berkenaan diselesaikan segera. Sehubungan itu, Bahagian Taskforce dan Penyelidikan, PTGS telah diarahkan untuk membuat siasatan tanah terperinci mengenai isu ini. Lanjutan daripada arahan tersebut, Bahagian Taskforce juga telah menyelaras beberapa siri mesyuarat bersama Pejabat Tanah Kuala Selangor yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah Kuala Selangor.

Perbincangan mengenai isu ini bersama beberapa agensi kerajaan yang lain telah mencapai satu keputusan supaya diadakan bancian tapak bagi mengenal pasti dan mengesahkan gambaran sebenar di tapak tersebut. Bancian tapak telah dijalankan selama 2 hari pada 1/6/2015 dan 2/6/2015 yang disertai oleh 5 orang kakitangan PTG Selangor, 35 orang kakitangan PTD Kuala Selangor dan 5 orang dari jawatankuasa penduduk berkenaan yang telah dibahagikan kepada 5 kumpulan.

Segala maklumat yang diperolehi daripada kerja-kerja bancian tapak tersebut akan dibentangkan di dalam mesyuarat berbangkit yang akan dihadiri oleh agensi-agensi yang berkaitan untuk diperhalusi permasalahan tersebut dan mencadangkan jalan penyelesaian yang terbaik.

BENGKEL SKT 2015 DAN PENCAPAIAN SKT 2014 PTG SELANGOR DI RAINBOW PARADISE BEACH RESORT, PULAU PINANG PADA 11-13 JANUARI 2015

KURSUS PEMAHAMAN PERINTAH AM, HOLIDAY VILLA, SUBANG, SELANGOR PADA 16-17 FEBRUARI 2015

KURSUS PENULISAN SURAT RASMI, MEMO, LAPORAN DAN PENGURUSAN MESYUARAT, DEWAN JUBLI PERAK PADA 14-16 APRIL 2015

SESI TAKLIMAT OLEH MPC KEPADA JURUAUDIT DALAMAN 5S PTGS PADA 9 JUN 2015

KURSUS TATACARA PELUPUSAN REKOD JABATAN PADA 3-4 JUN 2015

KURSUS PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG DALAM PENDAFTARAN HAKMILIK DAN PEMBANGUNAN TANAH, DI THE SUMMIT HOTEL, SUBANG JAYA PADA 16-18 APRIL 2015

Tahniah

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2014 DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BIL.	NAMA/JAWATAN	GRED	BAHAGIAN
A. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL			
1.	KAMARUL BAHRI BIN BAHARUM - PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	J44	TASK FORCE DAN PENYELIDIKAN
B. KUMPULAN SOKONGAN 1 (GRED 27 – 40)			
1.	MOHD NAZRUL BIN NGAIMIN - PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N32	PEMBANGUNAN TANAH
2.	MOHAMAD HASRUL BIN MOHAMAD JUMARI - PENOLONG PEGAWAI TANAH	NT27	PEMBANGUNAN TANAH
3.	ASFA ZUHAIREN BINTI HASSAN - PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F29	BTM
4.	HELEN ANAK KEMITI - PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N27	PENDAFTARAN HAKMILIK
C. KUMPULAN SOKONGAN II (GRED 17 – 26)			
1.	NORAHEN BINTI SHAHID - PEMBANTU TADBIR KANAN	N22	PENDAFTARAN HAKMILIK
2.	NOORAINI BINTI MARSIDIN - PEMBANTUN TADBIR KANAN	N22	PENDAFTARAN HAKMILIK
3.	DINA SHAZANA BINTI MOHD RAHIM - PEMBANTU TADBIR	N17	PENDAFTARAN HAKMILIK
4.	NORAZILA BINTI ARIFFIN - PEMBANTU TADBIR	N17	PENDAFTARAN HAKMILIK
5.	FAIEDZUN BINTI MARHOM - PEMBANTU TADBIR	N17	PENDAFTARAN HAKMILIK
6.	NORLIANA BINTI TAJUDDIN - PEMBANTU TADBIR	N17	PENDAFTARAN HAKMILIK
7.	MOHD NASHRIK BIN ESMAM - PEMBANTU TADBIR	N17	PENDAFTARAN HAKMILIK
8.	SALASIAH BINTI ALI - PEMBANTU TADBIR	N17	STRATA
9.	NURUL WAHIDAH BINTI JAINI - PEMBANTU TADBIR	N17	STRATA
10.	NORLAILI BINTI ABD RASID - PEMBANTU TADBIR	N17	STRATA
11.	ROZITA BT HJ MOHAMED SULAIMAN - PEMBANTU TADBIR	N17	HASIL
12.	ARNIE FAIDZA BINTI ALIAS - PEMBANTU TADBIR	N17	HASIL
13.	NORHUDA BINTI MD YUSOF - PEMBANTU TADBIR	N17	PERUNDANGAN
14.	MUHAMAD FARIZAL BIN AHMAD NAPIAH - PEMBANTU PENGUATKUASA	N17	PENGUATKUASAAN
15.	SITI SALMAH BINTI DRAHIM @ ABDUL RAHIM - PEMBANTU TADBIR	N17	BKP
16.	KHAIRUNNISA BINTI AHMAD KHIR - PEMBANTU TADBIR	N17	BKP

17.	MUHAMMAD BIN ABDULLAH - JURUTEKNIK KOMPUTER	FT17	BTM
18.	ZULIANA BINTI SAHAK - PEMBANTU TADBIR	N17	PEMBANGUNAN TANAH
19.	ROHAYA BINTI PUYATI - PEMBANTU TADBIR	N17	KORPORAT

D. KUMPULAN SOKONGAN III (GRED 1 – 16)

1.	SITI SALWA BINTI BAHADIN - PEMBANTU OPERASI	N11	PEMBANGUNAN TANAH
2.	NOR FAEZAH BINTI MOHD ANWAR - PEMBANTU TADBIR	N11(KUP)	BKP
3.	VIJAYA A/P POYNIAH PILLAI - PEMBANTU AWAM	H11	PENDAFTARAN HAKMILIK
4.	MOHD AZRIL BIN MOHD TARMIDI - PEMBANTU OPERASI	N11	STRATA
5.	ZAINUDDIN BIN KASSIM - PEMBANTU AWAM	H11	STRATA
6.	MOHD NORSAIDI BIN MOHD RAZALLI - PEMANDU KENDERAAN	R3	PENGUATKUASAAN

Selamat Datang

PENGENALAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN BARU PTGS

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	TARIKH MASUK	PENEMPATAN
1.	YBhg. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya	Pengarah	JUSA C (M)	Tetap	16.02.2015	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor
2.	Encik Mohd Azhar bin Mohd Daud	Pegawai Tadbir M48 & Diplomatik	(M)	Tetap	16.03.2015	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
3.	Cik Ezrin Edzuin binti Meor Kamarudin	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	Tetap	06.04.2015	Bahagian Teknologi Maklumat
4.	Encik Ahmad Syukry bin Sulaiman	Penolong Pegawai Tanah	NT36	Tetap	16.01.2015	Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
5.	Encik Mohammad Nazri bin Zainuddin	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	Tetap	10.05.2015	Bahagian Teknologi Maklumat
6.	Puan Norfarhana binti Ashim	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	Tetap	10.05.2015	Bahagian Teknologi Maklumat
7.	Puan Rosnizah binti Sahrani	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Tetap	26.01.2015	Bahagian Pendaftaran Hakmilik
8.	Puan Nurul Murni binti Suryani	Penolong Pegawai Tadbir	N27	Tetap	23.03.2015	Bahagian Korporat
9.	Encik Mohamad Rahimin bin Ramli	Penolong Pegawai Tanah	NT27	Tetap	02.01.2015	Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal
10.	Puan Shareeda bin Idris	Penolong Pegawai Tanah	NT27	Tetap	16.03.2015	Bahagian Hakmilik Strata
11.	Puan Nor Faizah binti Mohd Fajar	Pembantu Awam	H11	Tetap	16.02.2015	Bahagian Pendaftaran Hakmilik
12.	Encik Rosli bin Harun	Pemandu Kenderaan	H11	Tetap	16.02.2015	Bahagian Khidmat Pengurusan

LAWATAN PENILAIAN PRA-AUDIT 5S PTGS PADA 23 APRIL 2015

LAWATAN PENILAIAN AUDIT 5S PTGS SESI KEDUA PADA 29 JUN 2015

LAWATAN KERJA JAWATANKUASA 5S PTG SELANGOR KE PTG TERENGGANU PADA 26-28 MEI 2015

ACARA TENPIN BOLING DI BANTING SUPERBOWL, PADA 14 MAC 2015

ACARA KAROM DI DEWAN TUN RAZAK, PEKAN SABAK PADA 4 APRIL 2015

ACARA SEPAK TAKRAW DI UPTOWN SPORTS, BANDAR BARU BANGI PADA 25-26 APRIL 2015

ACARA FUTSAL DI KSL SRI GOMBAK PADA 16 MEI 2015

ACARA BOLING PADANG DI SEPANG PERDANA PADA 13 JUN 2015

Encik Nor Azmi bin Muhammad
BAHAGIAN HAKMILIK STRATA

Tarikh Perkahwinan :
22 Februari 2015

Encik Hafiz bin Abdul Razak
BAHAGIAN HAKMILIK STRATA

Tarikh Perkahwinan :
02 Mei 2015

Encik Mohamad Kahar bin Md Rasib
UNIT TASK FORCE DAN PENYELIDIKAN

Tarikh Perkahwinan :
03 Mei 2015

Abraham Muhammad Yusuf
b. Muhammad Fazli

Nur Ariessa Sofieyya
bt. Mohd Azrul Effendy

Muhammad Aqeef Hakimi
bin Mohd Azahan

Nur Alma Afia
bt. Rasid

Anas Eimtiyaz
b. Mohamad Razali

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1 Nama Pegawai : Norhidayati binti Sarmin Panut
Nama Suami : Mohd Azahan
Nama Anak : Muhammad Aqeef Hakimi bin Mohd Azahan
Tarikh Lahir : 19 Februari 2015

2 Nama Pegawai : Zarifah binti Haji Mustafa
Nama Suami : Muhamad Fazli
Nama Anak : Abraham Muhammad Yusuf bin Muhamad Fazli
Tarikh Lahir : 20 Jun 2015

BAHAGIAN HASIL

3 Nama Pegawai : Rasid Bin Umar
Nama Isteri : Normalia binti Mokhtar
Nama Anak : Nur Alma Afia binti Rasid
Tarikh Lahir : 06 Jun 2015

BAHAGIAN PERUNDANGAN

4 Nama Pegawai : Salwati binti Umar
Nama Suami : Mohd Azrul Effendy
Nama Anak : Nur Ariessa Sofieyya binti Mohd Azrul Effendy
Tarikh Lahir : 21 Mei 2015

5 Nama Pegawai : Wan Aine Noor Azureen binti Md Nasir
Nama Suami : Mohamad Razali
Nama Anak : Anas Eimtiyaz Bin Mohamad Razali
Tarikh Lahir : 24 Jun 2015

ADUAN

Hubungi 1-800-88-2624

SEBARKAN ADUAN / ISU BERKAITAN TANAH

emel: ptgs@selangor.gov.my aduanptgs.selangor.gov.my

- Curi Pasir / Bahan Batuan
- Penceroboh Tanah Kerajaan
- Penipuan (Fraud)
- Langgar Syarat Tanah
- Cukai Tanah
- Masalah Pengeluaran Hakmilik Strata Hakmilik Tanah, Pelupusan Tanah & Tukar Syarat Tanah
- Hal-hal lain Yang Berkaitan

PTGS

SELANGOR

Perkhidmatan Cemerlang, Kualiti Diutamakan

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR